

## Martabatkan penggunaan bahasa Melayu peringkat tinggi

**Bangl:** Bahasa Melayu berupaya menjadi bahasa pengantar peringkat tertinggi untuk penulisan sarjana, setanding dengan bahasa antarabangsa yang lain.

Pengarah Institut Sel Feul, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud, berkata sebelum bahasa Inggeris diangkat sebagai bahasa ilmu, bahasa Perancis dan bahasa Jerman sebagai contohnya terlebih dulu digunakan dalam penulisan terbabit.

"Jika dilihat pada istilah saintifik, banyak diambil daripada bahasa Jerman dan Perancis. Malah banyak buku kajian sains ini dalam bahasa terbabit.

"Ia menunjukkan kita tidak boleh bergantung dan mengagung-agungkan bahasa Inggeris semata-mata," katanya.

### Galak pelajar guna bahasa Melayu

Wan Ramli berkata, pelajar sarjana sains di UKM turut digalakkan membuat penulisan masing-masing dalam bahasa kebangsaan dan seterusnya diterjemahkan ke bahasa kedua.

"Ia tidak menggambarkan pelajar terbabit tidak menguasai bahasa Inggeris, sebaliknya dilihat sebagai usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa tahap tertinggi.

"Hasil kajian yang dilakukan oleh pelajar turut diterbitkan dalam jurnal antarabangsa selepas diterjemahkan ke bahasa Inggeris, sekali gus ia menunjukkan kepercayaan pihak luar apabila sanggup menterjemahkannya," katanya.

Dalam perkembangan lain, Wan Ramli berkata, rakyat Malaysia tidak boleh bergantung kepada ahli politik untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa kebangsaan, sebaliknya perlu bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memperjuangkannya.

Bagaimanapun beliau berkata, rakyat dan NGO juga perlu terus memberi tekanan kepada kepemimpinan baharu yang diterajui Pakatan Harapan (PH).

"Ketika ini juga wujud pihak cuba untuk melobi kepemimpinan PH untuk kembalikan sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) kembali dalam bahasa Inggeris.

"Begitu juga tidak boleh mengharapkan wakil rakyat daripada UMNO dan Barisan Nasional (BN) menerajukinya kerana sebelum ini komitmen mereka juga dilihat kabur.

"Ini yang berlaku apabila pemimpin tidak nampak untuk membina sebuah negara bangsa," katanya.



Pelajar sarjana sains UKM digalak buat penulisan dalam bahasa kebangsaan"

**Wan Ramli Wan Daud,**  
Pengarah Institut Sel Feul UKM